

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA
PEMURAH LAGI MAHA PENGASIHANI

*Buat isteriku tercinta Wan Rohimah bt Wan Ahmad,
anak-anak yang disayangi; Ahmad Fathi Syakir,
Aisyah Afifah, Ahmad Fawwaz, Aisyah Nuha:
"tuntutlah ilmu walau di mana saja kita
berada demiNya dan keranaNya"*

METODOLOGI AL-ALBĀNĪ DALAM *ṢIFAT ṢALĀT AL-NABĪ*

ALWI BIN SHABUDIN

SHM 0008/06


DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA HADITH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2009

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satu telah saya jelaskan sumbernya.”

A handwritten signature in black ink, consisting of a horizontal line with a stylized, abstract mark above it that resembles a triangle or a letter 'A' with a diagonal stroke.

(ALWI BIN SHABUDIN)

SHM 0008/06

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah s.w.t, atas izin dan limpah rahmatNya, memberi sedikit kekuatan kepada hambaNya untuk menyiapkan Disertasi ini, sampai ke penghujungnya. Selawat dan salam atas junjungan Rasul, keluarga, dan sahabat-sahabatnya.

Ucapan terima kasih tak terhingga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan usaha yang amat bermanfaat ini. Ucapan “*jazākum Allāhu khairan kathīra*” diucapkan khusus untuk penyelia Disertasi ini, Yang Berbahagia Dr. Mohd Farid bin Mohd Sharif, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan teguran hinggalah usaha ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Dekan Profesor Datuk Abu Talib bin Ahmad, para pensyarah dan semua kakitangan PPIK serta semua kakitangan di Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia.

Penghargaan khusus terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Mohd Radzi bin Othman dan Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin yang telah membimbing kuliah Sarjana Hadith kumpulan pertama sepanjang tahun 2006-2008 ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pengerusi Bahagian Pengajian Islam Dr. Atikullah bin Abdullah yang banyak memberi nasihat, pandangan dan sokongan dalam menjayakan Program Sarjana Hadith, juga kepada pensyarah- pensyarah yang telah membimbing kami berkenaan Kaedah Penulisan Proposal dan Tesis, Dr. Jasni Sulong, Dr. Mohd Nizam Sahad, Dr. Mohamad Khairul Anwar Osman, Dr. Noor Shakirah Md Akhir, dan Dr. Hasanah Mohd Khafidz.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan sekuliah yang turut saling membantu menjayakan program ini sampai ke penghujungnya; Ramzi Shamsudin, Wan Mohd Kamal Nadzif Wan Jamil, Hisyam Mohd Radzi dan Mohamad Hilmi Mohd Zain. Terima kasih khusus kepada kakitangan di Perpustakaan Kejuruteraan, dan Perpustakaan Hamzah Sendut USM serta En. Mohd. Yunus Mat Yusof dan Tengku Khairuzzaman bin Tengku Yusoff dalam menyediakan bahan dan juga rujukan disertasi ini.

Kepada semua pihak di Sekolah Kebangsaan Batu Kawan, terutamanya Guru Besar, Puan Hamidah binti Sukaroo, bekas Guru Besar Tn. Haji Mohd Arof bin Nordin serta semua guru-guru dan murid-murid yang turut memberi kerjasama sepanjang penulis menyiapkan Sarjana Hadith ini diucapkan ribuan terima kasih.

Penghargaan yang teristimewa buat ayahanda Haji Shabudin bin Haji Ismail dan bonda Hajjah Haminah binti Mohamad yang telah banyak berkorban masa dan harta, untuk membesarkan dan mendidik anak mereka ini sehingga berjaya di menara gading. Juga pada bonda Hajjah Wan Zainun binti Wan Ismail, terima kasih atas sokongan, kepercayaan dan doa sepanjang masa.

Akhirnya, tidak dilupakan isteri yang dikasihi Wan Rohimah binti Wan Ahmad, yang telah banyak berkorban, membantu, dan memberi dorongan, semangat serta kekuatan dalam menjayakan Disertasi ini khususnya dan Sarjana Hadith amnya. Kesabaranmu kukagumi, ketabahanmu kuhargai, dan pertolonganmu kuiringi doa semoga kau berbahagia bersama suami dan anak-anak ; Ahmad Fathi Syakir, Aisyah Afifah, Ahmad Fawwaz dan Aisyah Nuha. Semoga kita semua mendapat keberkatan dan keredhaan Allah di dunia dan akhirat.

Alwi bin Shabudin,
No. 29, Jalan Ilmu 1,
Taman Ilmu, Nibong Tebal,
Pulau Pinang.

ABSTRAK

Kepentingan solat dan kewajipan melakukannya suatu yang diketahui umum. Namun bentuk perlakuan solat yang bertepatan dengan amalan Rasulullah s.a.w suatu yang perlu diberi perhatian. Adalah suatu yang penting untuk memperhalusi kitab yang membincangkan tentang solat Nabi s.a.w berasaskan hadith yang sahih. Maka kajian ini yang bertajuk *Metodologi al-Albānī Dalam Sifat Ṣalāt al-Nabī*, tertumpu pada metodologi yang digunakan oleh pengarangnya dalam menyusun kitab tersebut. Kajian adalah berasaskan bidang hadith. Dimulakan dengan latar belakang dan kaedah kajian dijalankan, seterusnya landasan teori yang membincangkan sejarah dan metodologi penulisan hadith dalam kalangan ulama terdahulu, yang merangkumi kaedah pemilihan hadith, kaedah penerimaan hadith, kaedah penyusunan dan penulisan hadith. Juga disentuh tentang latarbelakang, biodata dan sejarah hidup al-Albānī yang mempengaruhi pemikiran dan karya beliau, seterusnya membuktikan ketokohan beliau dalam bidang hadith. Ulasan terhadap kitab yang dibincangkan turut dimuatkan yang mengandungi latarbelakang kitab, idea penulisan, isikandungan serta objektif penulisan. Seterusnya perbincangan dikhususkan pada metodologi kitab tersebut. Turut dibincang tentang sumber hadith, kaedah memilih hadith, kaedah pembahagian hadith dan tajuk, kuantiti hadith setiap topik, kaedah penulisan sanad, kaedah penggunaan simbul, serta keistimewaan kitab tersebut. Manakala bab terakhir memuatkan kesimpulan dan cadangan kajian.

ABSTRACT

*The importance of prayer and the compulsory duty to do it is one well-known. However, treatment form prayer which was exactly with the Prophet Muhammad (Peace Be Upon Him) practice is one which matter should give attention. It is become something important to scrutinize book which discussed of Prophet (PBUH) prayer based on authoritative hadith. Then, this study entitled *The Methodology of al-Albānī in Ṣifāt Ṣalāt al-Nabī* focussed on methodology used by the author to arrange that book. This study is predicated hadith field. Initiated with background and how the study carried out, it further followed with theory platform which discussed writing history and methodology hadith in earlier muslim scholar group which encompasses hadith method of election, receiving method hadith, hadith compiling method and hadith writing. Discussion also touched about the author background and his biography which influenced his thinking and writing skill that prove his charisma inside the hadith field. Comment on this book also stated which contains book background, writing idea, table of contents and objective of writing. Further, the discussion specialized on the book methodology .Also discussed were hadith source, method of choosing hadith, hadith and subject division method, hadith quantity in each topic, sanad writing method, method in using symbol, and the extraordinary of the book. And the last, final chapter loaded with study conclusion and further suggestion on this research.*

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
<i>ABSTRACT</i>	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI TRANSLITERASI	xiv
BAB I PENDAHULUAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Sorotan Literatur	7
1.4 Skop Kajian	9

1.5	Kepentingan Kajian	10
1.6	Objektif Kajian	11
1.7	Metodologi Kajian	12
BAB II	KAEDAH PENULISAN HADITH	17
2.1	Sejarah Penulisan Hadith	17
2.1.1	Zaman Rasulullah s.a.w	17
2.1.2	Zaman Sahabat	19
2.1.3	Zaman Tābi‘īn	21
2.1.4	Zaman Selepas Tābi‘īn	23
2.2	Kaedah <i>al-Taḥammul</i> dan <i>al-Ada’</i>	23
2.2.1	Kaedah <i>al-Sima’</i>	24
2.2.2	Kaedah <i>al-Qira’ah</i>	25
2.2.3	Kaedah <i>al-Ijāzah</i>	26
2.2.4	Kaedah <i>al-Munāwalāh</i>	27
2.2.5	Kaedah <i>al-Kitābah</i>	27
2.2.6	Kaedah <i>al-I‘lām</i>	28
2.2.7	Kaedah <i>al-Waṣīyah</i>	29
2.2.8	Kaedah <i>al-Wijādah</i>	29
2.3	Kaedah Pemilihan Hadith	29
2.3.1	Kaedah Pemilihan Hadith Menurut al-Bukhārī	30
2.3.2	Kaedah Pemilihan Hadith Menurut Muslim	31

2.3.3	Kaedah Pemilihan Hadith Menurut Abū Dawūd	32
2.3.4	Kaedah Pemilihan Hadith Menurut al-Tirmidhī	33
2.4	Kaedah Penyusunan Hadith	34
2.4.1	Kaedah Penyusunan Hadith Menurut al-Bukhārī	34
2.4.2	Kaedah Penyusunan Hadith Menurut Muslim	36
2.4.3	Kaedah Penyusunan Hadith Menurut Abū Dawūd	37
2.4.4	Kaedah Penyusunan Hadith Menurut al-Tirmidhī	37
2.5	Kaedah Penulisan Dalam Kalangan Muḥaddithīn	38
2.5.1	Kaedah Menulis Perawi Menurut al-Bukhārī	38
2.5.2	Kaedah Menulis Perawi Menurut Muslim	40
2.5.3	Kaedah Menulis Perawi Menurut Abū Dawūd	41
2.5.4	Kaedah Menulis Perawi Menurut al-Tirmidhī	42
BAB	III AL-ALBĀNĪ DAN <i>ṢIFAT ṢALĀT AL-NABĪ S.A. W</i>	44
3.1	Biodata Al-Albānī	44
3.1.1	Latar Belakang Kehidupan	44
3.1.2.	Pengaruh Keluarga	49
3.1.3	Ijazah Hadith	51
3.1.4	Kajian Beliau Yang Terawal	51
3.1.5	Testimonial Ketokohan Dan Sanjungan	52
3.1.5.1	‘Abd al-Azīz ibn Bāz	52

3.1.5.2	Muḥammad Ṣālih al-‘Uthāimīn	54
3.1.5.3	Zayd ibn ‘Abd al-‘Azīz al-Fayyad	54
3.1.5.4	Amīn al-Miṣrī	55
3.1.6	Kewafatan dan Karya-Karya	56
3.1.6.1	Kewafatan	56
3.1.6.2	Wasiat	56
3.1.6.3	Karya-Karya	58
3.2	Kitab <i>Ṣifat Ṣalāt Nabī s.a.w</i>	62
3.2.1	Latar belakang Kitab	62
3.2.1.1	Pengesahan Nama Kitab	62
3.2.1.2	Bahasa	63
3.2.1.3	Tarikh Penulisan	64
3.2.2	Penulisan	65
3.2.2.1	Idea Penulisan	65
3.2.2.2	Isi kandungan	66
3.2.2.3	Objektif Penulisan Kitab	68
BAB IV	ANALISA METODOLOGI	
	<i>ṢIFAT ṢALĀT AL-NABĪ S.A.W</i>	70
4.1	Metodologi Pemilihan Hadith	70
4.1.1	Sumber Hadith	70
4.1.2	Kaedah Memilih Hadith	73

4.2	Metodologi Penyusunan Hadith	75
4.2.1	Pembahagian Hadith dan Tajuk	75
4.2.2	Kuantiti Hadith Setiap Topik	79
4.3	Metodologi Penulisan Hadith	81
4.3.1	Penulisan Sanad	81
4.3.2	Penggunaan Simbul	82
4.3.3	<i>Mentakhrij</i> Hadith	85
4.4	Keistimewaan <i>Ṣifat Ṣalat al-Nabi s.a.w</i>	86
4.4.1	Karya Pertama Mengenai Solat Nabi s.a.w	86
4.4.2	Berdalilkan Sumber Asal	87
4.4.3	Penambahbaikan Oleh Pengarang	89
BAB V	HASIL KAJIAN DAN CADANGAN	92
5.1	Hasil Kajian	92
5.2	Cadangan	97
BIBLIOGRAFI		99

SENARAI SINGKATAN KATA

a.s	‘alaihi al-salām
cet.	cetakan
H	Tahun Hijrah
hlmn	halaman
Ibid	pada tempat yang sama
M	Tahun Masihi
r.a	raḍiya Allāh ‘anhu/ ‘anhā
s.a.w	ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam
s.w.t	subhānahu wa ta‘āla
terj.	terjemahan
t.t	tanpa tarikh
t.tp	tanpa tempat
w	wafat

SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	Tamr
ث	th	حديث	ḥadīth
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حول	ḥawl
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	ذهب	dhahaba
ر	r	رحمان	raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سرية	sariyyah
ش	sh	شمس	shams

ص	ṣ	صالح	ṣāliḥ
ض	ḍ	ضمان	ḍamān
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهار	ẓihār
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	Ghayb
ف	f	فقيه	Faqīh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كمال	kamāl
ل	l	لبن	Laban
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	Nawm
هـ	h	هجرة	Hijrah
و	w	واحد	wāḥid
ي	Y	يسرى	Yusra

VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
اَ	a	فَعَلَ	fa'ala
اِ	i	حَسِبَ	ḥasiba
اُ	u	كُتِبَ	Kutiba

VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
اِي	ā	كاتب, قاضي	kātīb, qaḍā
ي	ī	كريم	Karīm
و	ū	حروف	ḥurūf

DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Transliterasi
و	aw	قول	Qawl
ي	ay	سيف	sayf
يَّ، يَ	ī	رجعي	raj'ī
وَّ	ū	عدو	'adū

PENGECUALIAN

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada a bukan '. Contohnya أكبر ditransliterasikan akbar.
2. Huruf ة (ta' marbūtah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada t. Contoh: وزارة التعليم (wizārat al-ta'lim). Tetapi sekiranya ia terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada terakhir, ta' marbūtah ditransliterasikan kepada h.

CONTOH

1. المكتبة الأهلية

TRANSLITERASI

al-maktabah al-ahliyyah

2. قلعة

Qal‘ah

3. دار وهبة

dār wahbah

Sumber: The Institute of Islamic Studies,
McGill University, Canada.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENDAHULUAN

Dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia terdapat berbagai-bagai bentuk perlakuan dalam menunaikan ibadat solat. Bentuk-bentuk perlakuan ini adalah berasaskan sama ada melalui pengajian yang diikuti, sumber-sumber bacaan yang menjadi rujukan, aliran kefahaman berasaskan pandangan guru-guru dan ulama setempat, atau pun pemahaman yang diwarisi turun-temurun generasi demi generasi. Manakala sumber-sumber rujukan pula adalah terdiri daripada pelbagai tahap dan kriteria yang merupakan kitab-kitab hadith, fiqh, tasawwuf pelbagai aliran dan pemikiran. Maka hasilnya terdapat pelbagai bentuk perlakuan dalam menunaikan ibadat solat.

Dalam memahami bentuk-bentuk perlakuan yang berbagai-bagai ini, masyarakat tercari-cari bentuk perbuatan di dalam solat yang bertepatan dengan amalan Rasulullah s.a.w. Maka al-Albānī telah membantu masyarakat Islam seluruhnya, dengan menghasilkan Kitab *Ṣifat Ṣalat al-Nabi s.a.w Min al-Takbīr ilā al-Taslīm Ka'annaka Tarāhā*. Kehebatan al-Albānī dalam mengemukakan hujah

berasaskan sumber Islam kedua iaitu hadith yang sahih amat mengkagumkan bahkan, dalam kalangan ulama hadith semasa, dia dianggap yang terhebat. Maka penulisan ini akan mengkaji metodologi yang beliau gunakan dalam mempersembahkan karyanya, berdasarkan hadith-hadith yang dikemukakan.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Perlakuan dan tatacara Rasulullah s.a.w menunaikan solat suatu yang amat penting untuk diketahui. Ini memandangkan umat Islam wajib menunaikan solat sebanyak lima kali sehari. Maka seharusnya amalan itu bertepatan dengan apa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Cara untuk mengetahui perlakuan dan sifat solat baginda adalah melalui hadith baginda s.a.w. Ramai yang menulis tentang cara solat Rasulullah s.a.w, berasaskan hadith-hadith baginda s.a.w. Antaranya *Şifat Şalat al-Nabī s.a.w Min al-Takbīr ilā al-Taslīm Ka'annaka Tarāhā* karangan al-Albānī¹, *Aḥkām al-Şalāt wa Şifat Şalat al-Nabī s.a.w Ka'annaka Tarāhā* oleh Muḥammad al-Mutawallī al-Sha'rāwī², *Risālah fī Şifat Şalat al-Nabī s.a.w* oleh Muḥammad ibn Şāleḥ 'Uthaimin³, *Majmū'at Rasā'il Fī Şifat Şalat al-Nabī s.a.w Ḥukm al-Ghina' wa Istimā'ah* oleh 'Abd al-Azīz ibn 'Abd Allāh ibn Bāz⁴, *Juz' Ḥadīth Abī Hamīd al-Sā'idī Fī Şifat Şalat al-Nabī s.a.w* oleh Muḥammad 'Amr

¹Muḥammad Nāşir al-Dīn al-Albānī (1996), *Şifat Şalat al-Nabī s.a.w Min al-Takbīr ilā al-Taslīm Ka'annaka Tarāhā*. Riyad : Maktabah al-Ma'ārif Li Nashr Wa Tāuzi'.

² Muḥammad al-Mutawallī al-Sha'rāwī (1999), *Aḥkām al-Şalāt wa Şifat Şalat al-Nabī s.a.w Ka'annaka Tarāhā*, Kaherah : Maktabah al-Turāth.

³Muḥammad ibn Şāliḥ 'Uthāimin (1994), *Risālah Fī Şifat Şalat al-Nabī s.a.w* . Mekah : Dār Tayyibah.

⁴'Abd al-'Azīz ibn 'Abd Allāh ibn Bāz (1986), *Majmū'at Rasā'il Fī Şifat Şalat al-Nabī s.a.w Ḥukm al-Ghina' wa Istimā'ah*. Madinah : Markaz Shu'ūm al-Da'wah.

Bāzmūl⁵, *Ṣaḥīḥ Ṣifāt Ṣalāt Nabī* s.a.w oleh Ḥasan al-Saqqāf⁶ dan *A Summary Description of The Prayers of The Prophet* oleh Muhammad Said Dabbas⁷.

Untuk tujuan kajian ini karya al-Albānī telah dipilih. Karya beliau yang berjudul *Ṣifāt Ṣalāt al-Nabī s.a.w*⁸, amat berjasa kepada masyarakat Islam dalam mempertahankan amalan harian umat Islam yang merupakan rukun pada agama Islam itu sendiri iaitu solat, daripada unsur-unsur luar yang bukan daripada Rasulullah s.a.w. Kehebatan al-Albānī dalam mengemukakan hujah daripada hadith yang sahih amat mengagumkan bahkan kemampuan beliau dalam menentukan kedudukan hadith amat meyakinkan. Kajian terhadap karya beliau ini akan menganalisa manhaj yang diaplikasi beliau dalam mempertahankan amalan Rasulullah s.a.w. melalui karya tersebut.

Kedudukan hadith sebagai sumber rujukan terhadap semua persoalan ibadat merupakan suatu yang jelas. Hal ini dapat dibuktikan melalui ayat al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ

⁵ Muhammad 'Amr Bazmūl (1990), *Juz' Ḥadīth Abī Ḥamīd al-Sā'idī Fī Ṣifāt Ṣalāt al-Nabī s.a.w*. Riyad: Dār al-Hijrah.

⁶ Ḥasan al-Saqqāf (t.t) *Ṣaḥīḥ Ṣifāt Ṣalāt Nabī*. Jordan : Dār al-Imām al-Nawāwī.

⁷ Dabbas, Muhammad Said (1994), *A Summary Description of The Prayers of The Prophet*. Riyad: International Islamic Publishing House.

⁸ Nama penuh karya beliau tersebut ialah: *Ṣifāt Ṣalāt al-Nabī s.a.w Min al-Takbīr Ilā al-Tasfīm Ka'annaka Tarāhā (ṣallū kamā ra'aitumūni usallī, al-Bukhārī)*

(صفة صلاة النبي من التكبير إلى التسليم كأنك تراها، صلوا كما رأيتموني أصلي- البخاري)

وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ
وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا⁹

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu taat kepada Allah dan hendaklah kamu taat kepada Rasul dan *ūlī al-amr* daripada kalangan kamu. Jika kamu berbalah pada suatu perkara hendaklah kamu rujuk kepada Allah dan RasulNya, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang mana itu adalah sebaik-baik dan seelok-elok penjelasan.

Yang dimaksudkan dengan rujuk kepada Allah ialah melalui al-Qur'an dan merujuk kepada Rasul ialah melalui hadith baginda s.a.w¹⁰. Dalam hal ini baginda menegaskan:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ
اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ¹¹

Maksudnya:

Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya, iaitu kitab Allah dan sunnah nabiNya.

Maka jelaslah bahawa hadith sebagai sumber rujukan dalam semua hal termasuklah solat. Maka sewajarnya solat yang ditunaikan adalah berasaskan apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.

⁹ al-Qur'an, al-Nisa'(4) : 59.

¹⁰ Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī (t.t), *Tafsīr al-Ṭabarī*, Kaherah : Maktabah Ibn Taimiyyah, jilid 8, hlmn 504.

¹¹ Mālik ibn Anas, *Muwatta' Malik* (maktabah Shamela) '*Bāb al-Nahyu 'an al-Qaul bi al-Qadr*', juzuk 5 hlmn 371. Lihat : http://www.islamway.com/index.php?iw_s=esc&lang=1&id=1824&target=1 (tarikh akses 1.12.08) Hadith ini dinilai hasan oleh al-Albānī dalam *al-Tawaṣṣul Anwa'uhu Wa ahkāmuhu*, jilid 1, hlmn 12.

Kajian ini akan melakukan penelitian ke atas karya al-Albānī bagi mengenalpasti kaedah yang diguna pakai. Tujuannya untuk melihat dan menganalisa manhaj beliau dalam menyusun hujah berdasarkan hadith-hadith sahih, yang *ditakhrijkan* dari sumber yang pelbagai, dengan kaedah ilmiah yang berkesan, bagi membuktikan perlakuan sebenar baginda s.a.w di dalam solat. Kajian ini juga bermaksud untuk menyatakan kekuatan karya ini di samping mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh dijadikan nilai tambah dalam memperkukuhkan kenyataan dan kebenaran amalan-amalan solat sebenar dari Rasulullah s.a.w di samping menyangkal perlakuan-perlakuan solat yang disandarkan pada baginda s.a.w sedangkan sebenarnya bukanlah daripada baginda s.a.w.

Kajian terhadap karya-karya ulama semasa perlu diberi perhatian di samping karya-karya ulama silam. Ini bukan bermaksud untuk tujuan mengejar kemodenan dan memperbaharui bentuk dan cara-cara melakukan ibadat serta pemahaman terhadap agama. Tetapi dalam karya ulama mutakhir juga didapati ia berusaha mengajak, menyeru dan memberi panduan serta isyarat untuk mengamalkan cara ibadat sebagaimana asalnya yang telah diajar dan dilakukan oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Namun seruan untuk mempertahankan bentuk ibadat khususnya solat, mengikut spesifikasi Rasulullah s.a.w seringkali disalah tafsirkan. Maka individu, ulama atau kumpulan yang sebegini dianggap sebagai mencipta ibadat solat bentuk baru, sedangkan yang diseru ialah arahan baginda s.a.w:

12... وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي...¹²

Maksudnya:

“... dan bersolatlah sebagaimana kamu melihat aku bersolat...”

Dalam kalangan masyarakat tempatan di Malaysia golongan yang mengajak kepada segala bentuk amalan yang sah daripada Nabi s.a.w dan meninggalkan amalan yang tiada asasnya daripada baginda s.a.w akan dilabel sebagai kaum muda, pengikut wahhabi dan sebagainya. Maka sesiapa yang dihubungkan dengan sesuatu kumpulan, keilmuan dan seruannya sering dipandang serong. Sedangkan seruannya adalah kebenaran yang sepatutnya diberi perhatian dan dinilai dengan pemikiran yang terbuka dan membuat pertimbangan dengan neraca ilmiah.

Maka menjadi satu keperluan mengkaji tentang sifat solat Rasulullah s.a.w ini, bagi menarik perhatian masyarakat moden hari ini tentang bentuk solat yang sebenarnya yang benar-benar telah dilakukan oleh baginda s.a.w.

Bagi merealisasikan tujuan ini, tajuk kajian yang dipilih ialah “Metodologi al-Albānī Dalam *Ṣifāt Ṣalāt al-Nabī ṣ.ā.w*”. Kajian ini akan menilai kekuatan karya ulama mutakhir dalam menghasilkan sebuah kitab yang mempertahankan amalan Rasulullah s.a.w, dan menolak perlakuan-perlakuan solat yang tersasar dari nas dan kehendak syariat yang sah.

¹² Abī ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘il ibn Ibrāhīm al-Bukhārī (2004), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Adhān, bab al-Adhān li al-Musāfir, Kaḥerah : Dār Ibn Hāitham, hlmln 77.

1.3 SOROTAN LITERATUR

Sorotan terhadap karya-karya terdahulu perlu dilakukan dalam mana-mana penulisan sebagai asas dalam membina pengetahuan baru, memberi peluang kepada pengkaji mempelajari pengalaman orang lain di samping memperbaiki kaedah yang pernah digunakan oleh penulis sebelumnya.

Namun sepanjang penelitian dan pencarian penulis tidak ditemui sebarang bentuk penulisan dan kajian yang membincangkan secara khusus tentang metodologi karya al-Albānī ini, iaitu *Ṣifat Ṣalat al-Nabī s.a.w.*¹³

Terdapat usaha menterjemahkan karya al-Albānī dalam Bahasa Melayu. Ia dilakukan oleh Abdullah Qari Haji Salleh dan diberi tajuk *Contoh Sembahyang Nabi s.a.w*¹⁴ manakala dalam cetakan terbaru diberi tajuk *Contoh Solat Rasulullah s.a.w*¹⁵. Terjemahan ini menggunakan teknik pemahaman. Isi-isi pada bahagian tertentu diulas oleh penterjemah. Ia bukanlah terjemahan secara terperinci, disebabkan ia tidak memasukkan mukadimah al-Albānī yang merupakan sebahagian dari buku tersebut yang menjelaskan tentang kepentingan, keperluan dan teknik penulisan beliau. Disamping itu catatan nota kaki yang dilakukan oleh

¹³ Pencarian adalah melalui laman web <http://portal.perpun.net.my/myto/index2.php>. (tarikh akses 28 Disember 2007), http://202.185.96.188/umtheses/SQL-bin/thesis_list.asp (tarikh akses 28 Disember 2007) dan <http://lib.iiium.edu.my/ilmu-rm/mom2-documentsearch.jsp?slcTemplate=3> (tarikh akses pada 28 Disember 2007)

¹⁴ Abdullah Qari Haji Salleh, AQHAS (1986), *Contoh Sembahyang Nabi* (terj.) Kelantan: Pustaka Asa.

¹⁵ Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albānī, (2007), *Contoh Solat Rasulullah s.a.w* (terj. oleh Abdullah Qari Haji Salleh) Kuala Lumpur : Darul Nu'man.

al-Albānī telah diubahsuai dan sebahagiannya telah ditiadakan dalam terjemahan tersebut.

Manakala terjemahan ke dalam Bahasa Indonesia diusahakan oleh Muhammad Thalib dan diterbitkan oleh Media Hidayah, Yogyakarta pada tahun 2005, dan diberi tajuk *Sifat Shalat Nabi s.a.w*¹⁶. Terjemahannya agak terperinci dan hampir menyamai bentuk penulisan asal.

Terjemahan ke dalam Bahasa Inggeris telah dilakukan oleh Ariffa Abdul Hameed, dan diberi tajuk *Abridged Translation Of Sifatu Salaatin Nabee*¹⁷. Ia diterbitkan oleh Kingdom of Saudi Arabia-Islamic Guidance Center. Buku tersebut merupakan terjemahan daripada karya asal al-Albānī yang telah diringkaskan dengan menulis hadith sahaja dan dinomborkan hadith-hadith tersebut.

Namun dalam buku-buku tersebut, penterjemah didapati hanya menterjemah semata-mata. Tanpa sebarang bentuk penilaian atau ulasan sama ada terhadap isi kandungan atau pun metodologi yang digunakan oleh al-Albānī.

Manakala penulisan mengenai sifat solat Nabi s.a.w dalam Bahasa Melayu pernah dihasilkan oleh Ahmad Adnan Fadzil, yang bertajuk *60 Hadith Sifat Solat*

¹⁶ Muhammad Thalib (2005), *Sifat Shalat Nabi s.a.w*, Yogyakarta: Media Hidayah.

¹⁷ Ariffa Abdul Hameed (t.t.) *Abridged Translation Of Sifatu Salaatin Nabee*. Saudi Arabia : Foreigners Guidance Center Gassim Zone.

*Nabi s.a.w*¹⁸. Karya beliau adalah merupakan penjelasan ciri-ciri solat mengikut keempat-empat mazhab utama fiqh. Ia merupakan buku kecil yang menghimpunkan 60 hadith mengenai solat dari pelbagai pegangan mazhab. Ia tidak memfokuskan khusus pada mana-mana karya sebelumnya sama ada oleh al-Albānī atau lain-lainnya, tetapi ia merujuk pada sumber-sumber yang pelbagai khususnya *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh al-Nawāwī. Karya tersebut lebih merupakan penjelasan sesuatu perlakuan dalam solat menurut ulama fiqh.

Kesimpulannya, kebanyakan hasil-hasil penulisan yang ditemui adalah dalam terjemahan kitab asal serta penjelasan bentuk solat menurut mazhab fiqh. Tidak ada satu kajian pun sebelum ini yang mengkaji metodologi kitab *Ṣifat Ṣalat al-Nabī s.a.w* ini, kaedah al-Albānī memilih hadith dan sumber-sumbernya, bilangan hadith-hadithnya, teknik penulisan sanad dan penggunaan simbul, begitu juga tiada ulasan terhadap keistimewaan karya yang dihasilkan oleh al-Albānī ini.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada keseluruhan isi kitab ini. Namun ia hanya memberi tumpuan pada metode penulisan sahaja. Kajian juga akan menilai sumber-sumber rujukan yang digunakan di samping kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam kitab ini. Kajian tidak sama sekali melibatkan aspek pengeditan atau *tahqīq* semula kandungan kitab.

¹⁸ Ahmad Adnan Fadzil (2006), *60 Hadith Sifat Solat Nabi s.a.w*, Perlis: Majlis Tafaqquh Fi al-Dīn Sri al-Taqwa.

Kitab yang dimaksudkan ialah *Şifat Şalāt al-Albānī* tanpa syarah. Edisi yang dirujuk ialah edisi yang telah dilakukan penambahan oleh al-Albānī sendiri pada 17 Sha‘ban 1410H(14 Mac 1990M) dan buku ini dicetak pada tahun 1996M, oleh Maktabah al-Ma‘ārif Li al-Nashr Wa al-Tawzi‘, Riyad. Perlu dijelaskan bahawa al-Albānī telah menghasilkan tiga karya mengenai sifat solat. Kitab pertama diberi tajuk *Aşl Şifat Şalāt al-Nabī s.a.w* (karya tersebut mengandungi *ta‘liq, takhrij, sharh* dan terdiri dari tiga jilid), kedua *Şifat Şalāt al-Nabī s.a.w* (mengandungi hadith-hadith dan takhrij ringkas) dan ketiga *Talkhiş Şifat Şalāt Nabī s.a.w* (merupakan ringkasan daripada *Şifat Şalāt Nabī s.a.w*)¹⁹. Karya yang menjadi rujukan kajian ini ialah karya kedua iaitu *Şifat Şalāt al-Nabī s.a.w*.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dapat dilihat terhadap keperluan menunaikan solat lima kali sehari dan diulang-ulang setiap hari, tetapi tepatkah perlakuannya sebagaimana yang dilakukan oleh baginda s.a.w. Andainya tersasar perlakuan tersebut mengakibatkan kerugian pelakunya, dan ganjaran pahala yang diharapkan mungkin mengecewakan. Maka mengkaji perlakuan sebenar Rasulullah s.a.w amat penting dan wajar.

Keperluan kajian juga dapat dilihat dalam mengenalpasti latarbelakang seseorang tokoh atau ulama dari sudut pendidikan dan pengajian mempengaruhi

¹⁹ Lihat : http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Nashiruddin_Al-Albani (tarikh akses: 25.11.2008)

aliran pemikiran, pemahaman dan tindakan dalam mengenengahkan idea dan ilmunya kepada masyarakat.

Kepentingan berikutnya adalah untuk mengenengahkan tokoh hadith semasa iaitu al-Albānī, kepada masyarakat umum yang masih belum mengenali beliau dan menjadikan karya-karya beliau sebagai sumber rujukan yang diterima pakai sama ada untuk tujuan kajian, pengajian umum di masjid-masjid dan di surau-surau, atau pun menjadi silibus pusat-pusat pengajian.

Kepentingan juga dapat dilihat dalam usaha membanteras salah anggap masyarakat terhadap pihak yang mengajak dan menyeru kepada perlakuan solat yang bertepatan dengan amalan Rasulullah s.a.w. Mereka sering dilabel dengan berbagai-bagai tanggapan negatif yang mengakibatkan masyarakat menjauhi mereka, sedangkan seruan yang sebenar ialah mendirikan solat seperti seruan baginda s.a.w.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengutarakan sumbangan al-Albānī dalam bidang hadith melalui kajian terhadap karya beliau *Ṣifat Ṣalat al-Nabī s.a.w* . Selain itu juga, kajian ini akan menilai kesesuaian kitab tersebut sebagai salah satu sumber rujukan pengajian dalam bidang hadith. Untuk memastikan pencapaian

maksud objektif umum ini, maka beberapa objektif khusus telah dirangka seperti berikut;

1. Untuk menjelaskan ketokohan al-Albānī melalui *Ṣifat Ṣalāt al-Nabī*.
2. Untuk memperkenalkan *Ṣifat Ṣalāt al-Nabī* kepada umat Islam di Malaysia.
3. Untuk menjelaskan metodologi al-Albānī dalam penulisan *Ṣifat Ṣalāt al-Nabī*.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa metode iaitu:

a) Metode Penentuan Subjek

Subjek bagi kajian ini ialah “Metodologi al-Albānī Dalam *Ṣifat Ṣalāt al-Nabī*”. Kajian ini melibatkan bidang hadith. Peringkat awal kajian ini membahaskan mengenai pengenalan kepada penulis kitab dan biodata, pengenalan kepada kitab dan diakhiri dengan analisis fakta-fakta kitab tersebut.

b) Reka Bentuk

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif analisis terhadap kitab *Ṣifat Ṣalāt al-Nabi s.a.w Min al-Takbīr ilā al-Taslīm Ka'annaka Tarāhā* karya al-Albānī. Tahap penulisan kajian dimulakan dengan pengumpulan dan pemilihan data-data dan diakhiri dengan analisis data-data yang dikumpulkan.

c) Metode Pengumpulan Data

Dalam mengumpulkan data, pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan, bagi mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan daripada bahan-bahan bertulis sama ada penerbitan rasmi atau tidak rasmi seperti buku-buku, kertas kerja, tesis dan disertasi serta rujukan internet.

Sumber-sumber ini dapat menyumbangkan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Maklumat-maklumat yang berbentuk am atau empirikal merupakan satu gambaran daripada satu-satu fenomena yang terdapat dalam persoalan kajian. Ini kerana kajian-kajian berkaitan yang telah dilakukan oleh pengkaji lain boleh memberi maklumat-maklumat asas yang diperlukan²⁰.

²⁰ Kamarudin Ngah dan Roslim Md. Akhir (1990). *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, hlmn 18.

Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan penulis ialah:

- a) Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2 Universiti Sains Malaysia
- b) Perpustakaan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia
- c) Perpustakaan Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia
- d) Perpustakaan Dar al-Hikmah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- e) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- f) Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia
- g) Perpustakaan Insaniah Kolej Universiti Insaniah
- h) Perpustakaan al-Mukhtar Universiti Darul Iman Kampus KUSZA

d) Metode Penganalisan Data

i-Metode Historiografi

Metode ini digunakan ketika membahaskan tentang pengenalan dan biodata pengarang kitab iaitu al-Albānī, dalam bab tiga.

ii-Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan cara merumuskan kesimpulan terhadap penganalisan data yang bersifat umum kepada khusus. Digunakan dalam bab empat, contohnya dalam membincangkan metodologi penulisan hadith. Hasil penelitian kepada mukadimah al-Albānī di dalam *Ṣifāt Ṣalāt al-Nabī s.a.w*, maka dapat dipastikan

bahawa al-Albānī menjelaskan bahawa beliau tidak menulis perawi hadith secara lengkap dalam setiap hadith yang dikemukakan. Maka penulis memperincikan contoh-contoh yang menerangkan maksud tersebut, disamping menjelaskan kedudukan hadith dari sudut hukumnya. Contohnya hadith yang menerangkan tentang Rasulullah s.a.w menyebut *amīn* dengan suara yang kuat dan panjang selepas habis membaca al-Fātiḥah. Beliau tidak menulis perawi hadith tetapi menjelaskan pada bahagian nota kaki bahawa hadith tersebut diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam tajuk *Juz' al-qirā'ah* dan juga diriwayatkan oleh Abī Dawūd dengan sanad yang sahih. Disini penulis menganalisis data yang awalnya bersifat umum kepada data-data yang lebih khusus dengan menggunakan metode deduktif.

iii-Metode Induktif

Metode induktif merupakan penganalisan ataupun menganalisis melalui cara berfikir terhadap data-data yang diperolehi dengan membuat kesimpulan secara keseluruhan selepas penelitian dibuat ke atas maklumat-maklumat tersebut. Perumusan atau kesimpulan yang terhasil itu adalah bersifat khusus kepada umum. Contohnya hadith yang dipilih oleh al-Albānī dalam menjelaskan tentang cara turun sujud. Beliau telah memilih hadith yang menjelaskan tentang Rasulullah s.a.w meletakkan tangan terlebih dahulu ke bumi mendahului lututnya. Hadith ini dihukum sahih oleh al-Ḥākim dan al-Dhahabī, dan al-Albānī menjelaskan bahawa cara-cara turun sujud selain itu tiada yang sahih. Maka selepas penelitian terhadap maklumat khusus ini dilakukan, penulis membuat kesimpulan yang bersifat umum

bahawa al-Albānī memilih hadith-hadith yang sahih sahaja dalam mengemukakan hujah, walaupun perlakuan-perlakuan lain di dalam solat, masyhur dalam kalangan umat Islam.

BAB II

KAEDAH PENULISAN HADITH

2.1 Sejarah Penulisan Hadith

Sejarah penulisan hadith dapat dilihat dari beberapa sudut. Ia bermula dengan kedudukan penulisan pada zaman Rasulullah s.a.w, seterusnya zaman sahabat, zaman tabi'in dan zaman pasca tabi'in.

2.1.1 Zaman Rasulullah s.a.w

Pada peringkat awal perkembangan Islam, baginda s.a.w tidak membenarkan sahabat-sahabat menulis hadith-hadith baginda. Hal ini jelas seperti sabda baginda;

لَا تَكْتُبُوا عَنِّي وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيَمْحُهُ
وَحَدِّثُوا عَنِّي وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ قَالَ هَمَّامٌ
أَحْسِبُهُ قَالَ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ¹

¹ Muslim ibn Ḥajjāj (2001) *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zuhd, bab al-Tathabbut fī al-Ḥadīth, Kaḥerah : Dār Ibn Haitham, hlmn 757.

Maksudnya:

Jangan kamu tulis sesuatu daripadaku, dan sesiapa yang menulis daripadaku selain dari al-Qur'an, hendaklah dia memadamnya, dan riwayatkanlah daripadaku dan jangan melakukan kesalahan, sesiapa yang mendustakanku (Hammam berkata aku mengangka baginda telah menyebut perkataan 'dengan sengaja') maka dia mengambil tempat di dalam neraka.

Larangan Rasulullah s.a.w ini adalah bertujuan untuk mengelak daripada tercampur antara kata-kata baginda s.a.w dengan al-Qur'an². Terdapat ramai sahabat yang menulis al-Qur'an dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w, maka timbul keraguan kerana ditakuti tercampur kedua-duanya³. Lebih-lebih lagi apabila semua catatan ditulis dalam helaian dan kepingan yang sama⁴.

Pada peringkat seterusnya Rasulullah s.a.w memberi izin kepada sahabat-sahabat untuk mencatatkan hadith-hadith baginda s.a.w. Pada tahap ini al-Qur'an telah terselamat daripada tercampur aduk dengan perkara-perkara lain. Telah ramai para sahabat yang menghafaz al-Qur'an⁵. Ini jelas dari kenyataan Abū Hurairah r.a:

مَا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدٌ أَكْثَرَ
حَدِيثًا عَنْهُ مِنِّي إِلَّا مَا كَانَ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو فَإِنَّهُ
كَانَ يَكْتُبُ وَلَا أَكْتُبُ⁶

² Ibn Hajar (1986), *Hadyu al-Sārī Muqaddimah Fath al-Bārī*, Kaherah : Dar al-Rayyān, hlmn 8.

³ Akram Diyā' al-'Umari (1984), *Buhūth Fī Tārīkh al-Sunnah al-Musharrafah*, Madinah :Maktabah 'Ulūm Wa al-Ḥukm, hlmn 219.

⁴ Şubḥi al-Şāliḥ (1959), ' *Ulūm al-Ḥadīth Wa Muşṭalahuhu*, Beirut : Dār al-'Ilm Li al-Malāyin, hlmn 19.

⁵ Ibid, hlmn 20.

⁶ al-Bukhārī (2004), *Şaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-'Ilm bab Kitābah al-'Ilm, Kaherah : Dār Ibn Haitham, hlmn 24.

Maksudnya;

Tiada seorang pun dalam kalangan sahabat Rasulullah s.a.w memiliki banyak hadith selain daripadaku kecuali apa yang pada 'Abd Allāh ibn 'Amr, maka sesungguhnya dia menulis dan aku tidak menulis.

Ibn Hajar menjelaskan bahawa hadith ini menunjukkan Rasulullah s.a.w mengizinkan sahabat-sahabat menulis hadith-hadith baginda s.a.w, setelah dipastikan tidak berlaku percampuran antara al-Qur'an dengan selainnya, dan mengasingkan tempat untuk menulisnya⁷.

Maka jelas larangan penulisan hadith adalah benar dari Nabi s.a.w, seperti mana kebenaran untuk mencatatnya juga adalah sah dari baginda s.a.w dalam keadaan yang tertentu dan untuk individu yang khusus⁸. Antara penulis hadith Rasulullah s.a.w ialah; Sa'd ibn 'Ubādah (w15H), Samūrah ibn Jundub (w 60H), Jābir ibn 'Abd Allāh (w 78H), dan 'Abd Allāh ibn 'Amr ibn al-'Aṣ (w65H)⁹.

2.1.2 Zaman Sahabat

Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w, larangan tentang penulisan hadith semakin difahami. Urusan tentang penurunan ayat-ayat al-Qur'an telah selesai, bahkan al-Qur'an telah lengkap ayat-ayat dan surah-surahnya. Maka kebimbangan tercampur ayat-ayat al-Qur'an dengan hadith tiada lagi. Maka sahabat-sahabat menulis

⁷ Ibn Hajar (1986), *Fath al-Bārī*. Kaheerah : Dār al-Rayyān, jilid 1, hlmn 251.

⁸ 'Abd Allāh ibn 'Abd Raḥman ibn 'Abd Allāh al-Jibrīn (t.t), *Akhbār al-Abād Fi al-Ḥadīth al-Nabawī*. (t.tp) hlmn 7

⁹ Ṣubḥi al-Ṣālih, *Ulūm al-Ḥadīth*, hlmn 22.

hadith-hadith, bahkan mereka mendorong sahabat-sahabat yang lain untuk turut menulis hadith¹⁰. Dorongan ini dapat dilihat dalam kata-kata ‘Umar al-Khaṭṭab:

قَيِّدُوا الْعِلْمَ بِالْكِتَابِ¹¹.

Maksudnya:

Ikatlah ilmu dengan menulis.

Fasa ini telah memberi kesempatan dan peluang kepada para sahabat untuk mencatatkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Ramai dalam kalangan mereka telah menulis hadith-hadith Rasulullah s.a.w dalam *ṣahīfah* mereka masing-masing.

Antara *ṣahīfah-ṣahīfah* tersebut ialah seperti berikut¹²;

- *Ṣahīfah* Sa‘d ibn ‘Ubādah al-Anṣarī
- *Ṣahīfah* ‘Abd Allāh ibn Abī Awfā
- *Ṣahīfah* Samūrah ibn Jundub
- *Ṣahīfah* Abī Rāf‘ī
- *Ṣahīfah* Abī Hurairah
- *Ṣahīfah* Abī Mūsa al-Ash‘arī
- *Ṣahīfah* Jābir ibn ‘Abd Allāh
- *Ṣahīfah al-Ṣadiqah*, ‘Abd Allāh ibn ‘Amr
- *Ṣahīfah* Abī Salamah
- *Ṣahīfah* Hammām ibn Munabbih

¹⁰ Muḥammad Abū al-Layth (2005), *‘Ulūm al-Ḥadīth Aṣīluhā Wa Ma‘āṣīruhā*. Malaysia: Dar al-Shakir, hlmn 58.

¹¹ al-Dārimī, *Sunan al-Dārimī*. Maktabah Shameela (versi 2.11). Bāb Man Rakhasa Fī Kitābati al-‘Ilm. Juzuk 2, hlmn 48. lihat : http://www.islamway.com/index.php?iw_s=esc&lang=1&id=1824&target=1 (tarikh akses 26.11.2008)

¹² al-‘Umari, *Buḥūth Fī Tārikh al-Sunnah*, hlmn 219.

Ṣaḥīfah-ṣaḥīfah ini tidak terkumpul setempat, sebaliknya berada dalam simpanan sahabat-sahabat yang menulisnya. Para sahabat juga bermusafir dari sesebuah negeri ke sesebuah negeri yang lain bagi mendapatkan hadith-hadith dari sahabat-sahabat yang lain. Hadith-hadith yang ingin mereka dapatkan itu merupakan hadith yang mereka tidak berpeluang mendengar sendiri terus daripada Rasulullah s.a.w. sebagai contoh, Jābir ibn ‘Abd Allāh mengembara dari Madinah ke Sham untuk mendapatkan hadith daripada ‘Abd Allāh ibn Anas¹³.

2.1.3 Zaman Tabi‘in

Disebabkan Islam berkembang luas ke pelbagai negeri, maka sahabat-sahabat juga telah bertebaran ke banyak wilayah. Hal ini menjadikan bilangan tabi‘in semakin ramai. Maka dalam kalangan tabi‘in ramai yang menulis hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Antaranya, Sa‘id ibn Jubair, Sa‘id ibn al-Musaiyyib, Āmir al-Sha‘bī, al-Dhahhāk ibn Muzā‘ah, al-Ḥasan al-Baṣrī, Mujāhid ibn Jabr dan Qatādah al-Sadūsi¹⁴.

Pada ketika inilah pengumpulan dan penulisan hadith secara rasmi telah dimulakan. Ia bermula dengan arahan khalifah ketika itu, ‘Umar ibn ‘Abd al-

¹³ Ibid, hlmn 37.

¹⁴ al-‘Umarī, *Buḥūth fī Tārīkh al-Sunnah*, hlmn 44.

'Aziz¹⁵ dan disokong oleh tokoh-tokoh semasa. Ini kerana khalifah telah berbincang dengan para ilmuan, tentang kekhuatiran beliau terhadap ilmu hadith yang mungkin akan lenyap dengan kawafatan para penghafaznya. Ini jelas dalam suratnya kepada gabenor Madinah:

أنظر ما كان من حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم, أو
سنة ماضية, أو حديث عمرة, فاكتبه فيني قد خفت دروس
العلم وذهاب أهله¹⁶

Maksudnya:

Hendaklah kamu melihat apa yang ada pada hadith Rasulullah s.a.w, atau sunnah māḍiah (sunnah thābitah¹⁷) atau hadith 'Amrah. Maka hendaklah engkau mencatatnya kerana aku bimbang ilmu dan ahlinya akan hilang.

Inilah yang menjadi sebab utama hadith dikumpul dan ditulis secara rasmi¹⁸, iaitu kebimbangan akan terhapusnya sedikit demi sedikit hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang dihafaz oleh para penghafaz tanpa dicatatkan. Apabila mereka wafat maka ilmuan kemudiannya tiada rujukan lagi. Kerana itu khalifah bertindak bagi mengelak kehilangan hadith-hadith.

¹⁵ Beliau ialah Khalifah 'Umayyiah yang memerintah dari tahun 717M hingga 720M, dilahirkan pada 680M di Madinah dan wafat pada 720M. Merupakan cicit kepada Khalifah kedua Khulafā' al-Rāshidīn iaitu 'Umar al-Khaṭṭāb. Lihat http://ms.wikipedia.org/wiki/Umar_bin_Abdul_Aziz (tarikh akses 5.11.2008)

¹⁶ Ṭabaqāt Ibn Sa'd, hlmn 134 (dipetik dari Ṣubḥi al-Ṣāliḥ, '*Ulūm al-Ḥadīth* hlmn 45).

¹⁷ Sunnah māḍiah ialah sunnah thābitah, yang tidak dimansuhkan dan diamalkan oleh tābi'in, lihat : <http://www.ahlalhdeth.com/vb/showthread.php?t=23360> (tarikh akses 5.11.2008)

¹⁸ Ṭabaqāt Ibn Sa'd, hlmn 134 (dipetik dari Ṣubḥi al-Ṣāliḥ, '*Ulūm al-Ḥadīth* hlmn 45).

2.1.4 Zaman Selepas Tabi'in

Pembukuan hadith secara umum telah bermula pada akhir kurun pertama hijrah. Para ulama telah menyahut saranan khalifah 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz. Maka para ulama dari pelbagai negara telah membukukan hadith-hadith. Antaranya Malik ibn Anas(w175H) di Madinah, Abū Muḥammad 'Abd al-'Aziz ibn Jurāij (w150H) di Mekah, al-Auzā'ī(w156H) di Sham, Ma'mar ibn Rashīd (w135H) di Yaman, Sa'id ibn Abī 'Arūbah (w156H) Hammād ibn Salamah (w176H) di Basrah, Sufyān al-Thaurī (w161H) di Kufah, 'Abd Allāh ibn al-Mubārak (w181H) di Khurasan, Hashīm ibn Bashīr (w188H) di Wasit dan Jarīr ibn 'Abd al-Ḥamīd (w188H) di Rāy. Kesemua mereka adalah dari kurun kedua hijrah¹⁹.

2.2 Kaedah *al-Taḥammul* dan *al-Ada'*

al-Taḥammul ialah kaedah murid mengambil hadith dari gurunya dengan menggunakan salah satu lafaz-lafaz *al-taḥammul*. Manakala *al-ada'* pula ialah kaedah meriwayatkan hadith kepada orang lainnya selepas mengambil hadith tersebut daripada guru dengan menggunakan salah satu lafaz *al-ada'*²⁰. Kaedah-kaedah *al-taḥammul* dan *al-ada'* adalah seperti berikut;

¹⁹ Muḥammad Abū Shahbah (1989), *Difa' 'an al-Sunnah*, Kaherah : Maktabah al-Sunnah, hlmn 25.

²⁰ Abū al-Layth, ' *Ulūm al-Ḥadīth*, hlmn 83.

2.2.1 Kaedah *al-Simā'*

Kaedah ini ialah menyampaikan hadith dengan cara guru membaca hadith kepada murid,²¹ manakala murid mendengar bacaan tersebut. Bacaan guru boleh sama ada dari hafazannya atau dari penulisannya²². Kaedah ini terpakai sama ada guru memang merancang untuk menyampaikan kepada murid berkenaan atau pun tidak²³. Kaedah ini merupakan cara paling berkesan dalam menyampaikan hadith, berbanding kaedah-kaedah lain²⁴.

Lafaz-lafaz yang termasuk dalam kaedah ini ialah "*sami'tu*" (aku mendengar), "*haddathanī*" (menceritakankan kepadaku), "*akhbarani*" (menghabarkan kepadaku), "*anba'ani*" (menyampaikan berita kepadaku), "*qāla li*" (berkata kepadaku), "*dhakara li*" (menyebut kepadaku)²⁵. Lafaz "*sami'tu*" mempunyai kedudukan yang paling tinggi berbanding lafaz-lafaz yang lain²⁶. Perawi yang melakukan *tadlīs*²⁷ tidak menggunakan istilah "*sami'tu*"²⁸. Manakala

²¹ Muhammad Mustafa Azami (1977), *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith* (terj. Engku Ibrahim Engku Ismail (1989), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka), hlmn 25.

²² Abū al-Layth, *Ulūm al-Ḥadīth*, hlmn 83.

²³ Ṣubḥi al-Ṣāliḥ, *Ulūm al-Ḥadīth*, hlmn 88.

²⁴ *Ibid*, 88.

²⁵ Abū al-Layth, *Ulūm al-Ḥadīth*, hlmn 83.

²⁶ Muḥammad 'Ajjāj al-Khatīb (1989), *Uṣūl al-Ḥadīth 'Ulūmuhu Wa Muṣṭalahuhu*, Beirut : Dār al-Fikr, hlmn 248.

²⁷ *Tadlīs* dari sudut bahasa bermaksud menyembunyikan sesuatu (kecacatan dan keaiban) lihat: Ṭaha Ḥasan (1991), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Muyassar*, Tunis: al-Munazzamah al-'Arabiyyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-'Ulūm hlmn 186. Manakala dalam Ilmu Hadith, *tadlīs* ialah perbuatan perawi yang meriwayatkan hadith daripada orang sezaman dengannya sedangkan dia tidak pernah bertemu dengan orang tersebut atau dia pernah bertemu tetapi tidak mendengar hadith daripadanya lihat : al-Khatīb (1989), *Uṣūl al-Ḥadīth* hlmn 341.

²⁸ al-Khatīb (1989), *Uṣūl al-Ḥadīth*, hlmn 248.